

SULIT

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KETIGA BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DR. MANSOR BIN ABD RAHMAN
[SIK – BN]**

TARIKH : 6 NOVEMBER 2014 (RABU)

SOALAN (NO. 33)

Minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan apakah perancangan Kementerian bagi membantu golongan belia terutamanya golongan lepasan SPM yang gagal mendapat keputusan cemerlang bagi mendapatkan pekerjaan.

SULIT

JAWAPAN

Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bagi memastikan golongan belia terutamanya golongan lepasan SPM yang gagal mendapat keputusan cemerlang untuk mendapatkan pekerjaan, dua (2) pendekatan digunakan oleh Kementerian iaitu melalui latihan kemahiran di dalam IKBN secara sepenuh masa dan latihan jangka pendek secara modular di luar IKBN.
2. Bagi latihan sepenuh masa di IKBN terdapat 19 buah Institut Kemahiran Belia Negara (IKBN) dan sebuah Institut Kemahiran Tinggi Belia Negara (IKTBN) di bawah seliaan Kementerian Belia dan Sukan di seluruh Malaysia dengan kapasiti para pelajar yang boleh diisi ialah seramai 15,000. Sebanyak 16 bidang utama ditawarkan merangkumi pelbagai kursus kemahiran dan latihan teknikal untuk melahirkan tenaga mahir dan separuh mahir bagi memenuhi keperluan tenaga kerja industri.
3. Bagi memperkasakan lebih ramai belia berkemahiran dalam pelbagai bidang latihan, Kementerian menawarkan program-program di luar IKBN iaitu melalui kerjasama dengan agensi swasta bagi menampung permintaan dari para belia yang tercicir dari sistem pendidikan mahupun para belia yang telah bekerja tetapi ingin menambah Kemahiran mereka, antaranya adalah seperti program **PERANTIS** dan Program **Latihan Kemahiran Tidak Formal (LKTF)** pada hujung minggu.

SULIT

4. Belia akan berpeluang mengikuti latihan kemahiran teknikal secara jangka pendek yang dijalankan di Kompleks Belia dan Sukan, Kompleks Rakan Muda, di premis atau dewan yang bersesuaian di semua negeri.

5. Selain itu, Kementerian juga telah dan sedang melaksanakan:-

i. PELAKSANAAN DUA SYIF '*DOUBLE SHIFT*'

- Pelaksanaan dua syif '*double shift*' dalam pelbagai bidang latihan di IKBN sebagai usaha untuk memberi lebih banyak peluang latihan kemahiran kepada belia disamping dapat mengoptimalkan kapasiti IKBN sedia ada.
- Pelaksanaan ini akan bermula secara berperingkat bermula Julai tahun 2014 dimana penambahan enrolmen pelajar daripada 10,000 orang masa ini meningkat kepada 15,000 orang dengan pertambahan seramai 5,000 orang pelajar menjelang 2015.

ii. PROGRAM KHAS BELIA INDIA

- Melalui Jawatankuasa Kabinet Pembangunan Belia India, YAB Perdana Menteri telah meluluskan sejumlah RM 37 juta khusus kepada golongan belia India melalui **Yayasan NAAM** dengan memberi penekanan terhadap 3 skop utama iaitu;

- a. Memastikan sasaran pengambilan pelajar belia India ke IKBN 2014 adalah sebanyak 7.5% dari keseluruhan tahun tersebut.
- b. Memberi peluang latihan kemahiran dengan penglibatan dari pelbagai agensi termasuk Kementerian Sumber Manusia, Kementerian Pendidikan serta Kementerian Belia dan Sukan, Kementerian Pertanian dan lain-lain.
- c. Membantu belia India dalam bidang ternakan dan pertanian.

iii. PROGRAM BELIA KECICIRAN

- Program khas kerjasama agensi kerajaan dan *Non Government Organization* (NGO) memberi bantuan latihan kemahiran kepada golongan belia adalah antara usaha kementerian membantu golongan belia yang tercicir dari segi akademik atau berisiko tinggi. Kementerian Belia dan Sukan Malaysia telah melaksanakan beberapa program seperti:-
 - a. **Program Perkasa Remaja**
 - b. **Program Penilaian Pencapaian Terdahulu (PPT)**

Sekian, terima kasih.